

DBKL sita 12 premis Pasar Borong Kuala Lumpur

Kuala Lumpur: Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menyita 12 premis di Pasar Borong Kuala Lumpur dan memindahkan barangan mereka atas kesalahan menghalang tempat laluan awam kelmarin.

DBKL dalam kenyataannya, berkata tindakan itu dilaksanakan selepas pihaknya mengesan pemilik premis terbabit melakukan kesalahan berkenaan ketika operasi diadakan bersama Jabatan Penguatkuasaan, Pejabat Cawangan Batu dan Pejabat Cawangan Wangsa Maju di sekitar Jalan 2/3A dan Jalan 6/3A Pusat Bandar Utara, Selayang, tengah hari kelmarin.

“Pemantauan dan tindakan penguatkuasaan di sekitar luar kompleks Pasar Borong Kuala Lumpur dibuat membabitkan pemeriksaan terhadap premis perniagaan borong sayuran, buah-buahan dan barangan am yang menghalang tempat awam,

selain aktiviti penjajaan dilakukan warga asing terutama dalam kalangan etnik Rohingya Myanmar.

“Sejumlah 12 premis dikenakan tindakan sita dan pindah barangan kerana kesalahan menghalang tempat awam mengikut Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1971,” katanya dalam kenyataan.

Selain itu, DBKL berkata, barangan jualan dua penjaja warga asing turut disita kerana menjalankan perniagaan tanpa lesen yang melanggar Undang-Undang Kecil (UUK) 3, Undang-Undang Kecil Pelesenan Penjaja (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 2016.

“Semua barangan disita dipindahkan ke Stor Sitaan DBKL Taman Miharja Cheras.

“DBKL akan meneruskan pemantauan dan tindakan penguatkuasaan di lokasi hotspot dari masa ke semasa,” katanya.



Pegawai penguat kuasa DBKL memindahkan barangan milik premis yang menghalang laluan awam, semalam.
(Foto ihsan FB DBKL)